

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2007/2008

Oktober/November 2007

**HMT 321 – SEMANTIK BAHASA MALAYSIA**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

**ARAHAN KEPADA CALON:**

Kertas ini mengandungi DUA bahagian, Bahagian A dan B. Jawab DUA soalan daripada setiap bahagian.

Setiap soalan diberi nilai markah yang sama.

Bahagian A

Jawab DUA soalan.

1. Sekiranya kita menerima hipotesis bahawa **makna leksikal** ialah kombinasi **denotasi** dan **konsep** (Saeed, 1997), jelaskan masalah yang mungkin timbul akibat penerimaan hipotesis ini.

[25 markah]

2. Jawab soalan [a] – [c].

[a] Berikan definisi sinonim.

[b] Berdasarkan analisis komponen makna dan ujian penggantian dalam ayat, buktikan sejauh mana kata-kata dalam **DATA A** di bawah bersinonim antara satu sama lain.

DATA A	
wanita	gadis
perempuan	ibu
feminin	betina

(Sumber: **Kamus Sinonim-Antonim Melayu**, 1997, m.s. 250)

[c] Nyatakan DUA kelemahan analisis komponen bagi memerikan makna leksikal seperti dalam [b].

[25 markah]

3. Jawab soalan [a] dan [b].

[a] Dengan memberikan DUA contoh yang sesuai, jelaskan maksud hubungan **paradigmatik**.

[b] Berdasarkan **DATA B** di bawah, jelaskan konsep **kolokasi**.

DATA B	
salak	payau
rosak	tengik
hapak	basi
busuk	hanyir

[25 markah]

...3/-

Bahagian B: Jawab DUA soalan.

4. Dengan menggunakan **DATA C**, huraikan cara penutur bahasa Melayu mengklasifikasikan 'situasi' kepada beberapa kategori berdasarkan makna dalaman sesuatu kata kerja. Buat ujian-ujian yang sesuai untuk memastikan bahawa sesuatu kata kerja itu mengandungi 'situasi' yang digambarkannya.

**DATA C**

- (i) Mak Jah menjahit baju kurung.
- (ii) Mereka mempercayai pengakuannya.
- (iii) Profesor itu banyak menulis.
- (iv) Pensyarah itu baru menulis dua buah buku.
- (v) Sakinah membakar kuih raya.
- (vi) Pemuda itu membakar mercun.
- (vii) Dia terbatuk apabila terdengar namanya disebut.
- (viii) Emilia batuk sepanjang malam.
- (ix) Dia tahu aiskrim itu akan cair seminit dua lagi.
- (x) Kiru menjadi kurus setelah mendaki Bukit Jambul setiap minggu.

[25 markah]

5. Berdasarkan **DATA D**, jawab [a] dan [b].

**DATA D**

- (i) Bas itu mengalami masalah brek.
- (ii) Kedai perabut itu hanya menjual set kamar tidur.
- (iii) Telefon bimbitnya sudah tidak boleh digunakan kerana 'sim card'nya tercalar.
- (iv) Semua jenis kenderaan ada di rumahnya kecuali kapal terbang.
- (v) Kuku jarinya tercabut.
- (vi) Anjing pemburu itu sudah mati.

- [a] Kenal pasti hubungan semantik yang terdapat dalam ayat (i)-(v) di atas. Berikan huraian yang jelas tentang ciri-ciri hubungan semantik tersebut.
- [b] Ayat (vi) mempunyai lebih daripada satu tafsiran. Berikan tafsiran-tafsiran tersebut dan tunjukkan perbezaannya melalui rajah pohon.

- [c] Gunakan konsep semantik dalam (ii) atau (iv) untuk membina ayat yang ada dan tiada penakbiran.

[25 markah]

6. Untuk setiap ayat dalam **DATA E** di bawah, tentukan sama ada praandaian wujud atau tidak. Nyatakan YA atau TIDAK dalam jawapan anda. Jika YA, tuliskan **praandaiannya**, nyatakan **pencetusnya**, dan buat **ujian praandaian**. Gunakan format berikut untuk menulis jawapan anda.

**DATA E**

- (i) Pn. Zainab fikir anaknya telah sampai di rumah.
- (ii) Pn. Zainab menyedari bahawa anaknya telah dilarikan orang.
- (iii) Pensyarah itu mengaku kertas ujian tersebut telah hilang dari simpanannya.
- (iv) Kean Ho tidak menyesal menjadi YDP Persatuan tersebut.
- (v) Lain kali makan lagi di sini.
- (vi) Penduduk di situ mula menanam pokok bakau selepas peristiwa yang meragut ribuan nyawa itu.
- (vii) Saya percaya Udini telah pun sampai di sana.

Format Jawapan:

[i] Tulis ayat yang berkenaan

[a] YA atau TIDAK

[b] Praandaian:

[c] Pencetus praandaian:

[d] Ujian:

[25 markah]